

**Untuk Siaran Segera**

**LHDNM/2021/01/16 - 12**

**WAKTU OPERASI KAUNTER PERKHIDMATAN LHDNM  
SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN  
(PKP), PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)  
DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang berterusan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa kaunter perkhidmatan LHDNM akan beroperasi dalam tempoh ini dengan waktu operasi terhad seperti berikut:-

<b>Perkhidmatan</b>	<b>Waktu Operasi</b>
Kaunter Setempat (Bagi Perkhidmatan Percukaian)	Berdasarkan Hari Bekerja di Setiap Negeri 8.00 pagi - 1.00 tengah hari
Kaunter Bantuan Khas Kerajaan	Berdasarkan Hari Bekerja di Setiap Negeri 8.00 pagi - 1.00 tengah hari
Kaunter Duti Setem (Pejabat Setem Cawangan dan Pusat Khidmat Hasil)	Berdasarkan Hari Bekerja di Setiap Negeri 8.00 pagi - 1.00 tengah hari *Penerimaan bayaran sehingga 12.00 tengah hari sahaja

Perkhidmatan	Waktu Operasi	
Kaunter Pusat Bayaran LHDNM  (Pusat Bayaran Kuala Lumpur, Pusat Bayaran Kota Kinabalu & Pusat Bayaran Kuching)	Bayaran Tunai	Isnin - Jumaat 8.00 pagi - 1.00 tengah hari
	Bayaran Selain Tunai	Isnin - Jumaat 8.00 pagi - 3.00 petang
Kaunter Pendaftaran Nama Perniagaan (PNP) Cawangan Kuching	Isnin - Jumaat 8.00 pagi - 1.00 tengah hari *Penerimaan bayaran sehingga 12.00 tengah hari sahaja	

Sebagai usaha membendung penularan wabak COVID-19, LHDNM menasihatkan pembayar cukai agar mengurangkan urusan secara bersemuka, sebaliknya pembayar cukai disarankan untuk melakukan urusan percukaian secara dalam talian. Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada LHDNM melalui:

- Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- HASiL Live Chat; dan
- Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

###

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

**Dikeluarkan Oleh:  
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21695/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873  
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)  
Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 16 Januari 2021**



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 2 daripada 2